

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Tarikh: 04/2026

Pelanggan Yang Dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah Progressive Family PA?

Progressive Family PA memberi pampasan kepada anda dan/atau pasangan anda dan/atau anak-anak anda sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Terdapat 24 pelan yang tersedia di bawah produk ini*. **Sebagai ilustrasi**, dengan pembayaran **RM85.00** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima **perlindungan** berikut di bawah **Pelan A1**:

Andaian premium : Nilai Perlindungan RM50,000, Individu, pekerja pejabat, Kelas 1 dan berumur 30 tahun..

Polisi ini melindungi :		Polisi ini tidak melindungi :
Manfaat	Pelan A1	<ul style="list-style-type: none"> Risiko berkaitan peperangan; Aktiviti sukan berisiko tinggi; Penyalahgunaan dadah; Penyakit berkaitan AIDS / HIV; Penyakit kelamin (STD); Pengiktirafan Tarikh Elektronik; Kejadian Nuklear, Kimia, Biologi atau Keganasan. <p>Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.</p>
Kematian akibat kemalangan	50,000	
Hilang Upaya Kekal	50,000	
Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (setiap minggu, maks. 52 Minggu)	Tiada	
Perbelanjaan Perubatan	3,500	
Perbelanjaan Pengebumian	5,000	
Perbelanjaan Pembakaran Mayat	5,000	
Elaun Hospital – sehari sehingga 180 hari	100	
Rawatan Pembetulan Pergigian / Pembedahan Kosmetik	5,000	
Perkhidmatan Ambulans	1,500	
Peralatan Ortopedik	1,500	

Klasifikasi Pekerjaan	Kategori	Premium Tahunan (RM) (Sebelum Cukai Perkhidmatan & Duti Setem)	
		Pelan A1	
Kelas 1 & 2	Individu	78.70	
	Individu & Pasangan Suami/Isteri	141.68	
	Setiap kanak-kanak	39.36	
Kelas 3	Individu	137.75	
	Individu & Pasangan Suami/Isteri	248.04	

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

* Untuk maklumat penuh mengenai semua pelan yang ditawarkan, anda boleh merujuk kepada jadual manfaat lengkap Progressive Family PA di laman web kami.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi Kami di
1-800-888-458



Layari laman web kami di
www.progressiveinsurance.com.my



Emel kami di
customer@progressiveinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

Untuk polisi Progressive Family PA Pelan A1, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM78.70 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM78.70
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM6.30
(+) Duti setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM85.00
Dimana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada premium asas atau RM19.68

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028.

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Kegagalan untuk mendedahkan atau memberikan maklumat yang lengkap dan tepat boleh mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau Polisi anda dibatalkan.
- **Pembayaran Sebelum Perlindungan** - Adalah menjadi syarat khas yang asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar hendaklah dijelaskan dan diterima oleh kami sebelum perlindungan bermula. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, maka polisi insurans ini akan terbatal secara automatik.
- **Kelayakan:**
 - (a) Dewasa berumur lapan belas (18) hingga enam puluh empat (64) tahun, boleh diperbaharui sehingga umur tujuh puluh (70) tahun.
 - (b) Kanak-kanak berumur lima belas (15) hari hingga tujuh belas (17) tahun atau sehingga dua puluh tiga (23) tahun jika berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa dan tidak bekerja.
 - (c) Kanak-kanak hanya layak untuk Pelan A1, A3, A5 atau A7 sahaja (dengan 50% daripada manfaat dewasa).
 - (d) Suri rumah dan kanak-kanak tidak layak untuk manfaat mingguan.
- **Klasifikasi Pekerjaan:**
 - (a) Kelas 1 – Individu yang terlibat dalam kerja pentadbiran, pengurusan, perkeranian dan bukan manual tanpa mengira jenis perniagaan.
 - (b) Kelas 2 – Individu yang terlibat dalam kerja berbentuk penyeliaan dan tidak terlibat dalam kerja manual.
 - (c) Kelas 3 – Individu yang terlibat dalam kerja manual yang melibatkan penggunaan alat atau jentera (kecuali jentera kerja kayu).
- Sekiranya berlaku Kemalangan, anda hendaklah melaporkan secara bertulis kepada kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh Kemalangan tersebut, butiran penuh mengenai Kemalangan / Kecederaan yang boleh mengakibatkan tuntutan di bawah Polisi ini.
- Kami berhak untuk memeriksa Orang Yang Diinsuranskan semasa proses tuntutan dan, sekiranya berlaku kematian, menjalankan bedah siasat selagi tidak dilarang oleh undang-undang.
- **Penamaan:** Anda hendaklah menamakan seorang penama dan memastikan penama anda dimaklumkan mengenai Polisi Insurans Kemalangan Diri yang telah anda beli.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkan saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan Polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan dibuat, anda akan menerima bayaran balik premium selepas ditolak amaun yang bersamaan dengan tempoh Polisi telah berkuat kuasa, dikira berdasarkan kadar jangka pendek kami, dan tertakluk kepada premium minimum yang akan dikekalkan oleh kami.
- Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.
- Jadual kadar tempoh singkat:

Tempoh Insurans	Peratusan Bayaran Balik Premium Tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 month	80%
Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik premium